

# ASNB Wakalah, Waqaf Felda terima watakah pelantikan mutawalli MAIWP

**KUALA LUMPUR** - Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menyerahkan surat mutawalli kepada dua syarikat iaitu ASNB Wakalah Sdn Bhd (AWSB) dan Waqaf Felda yang akan mengendalikan kutipan serta menguruskan harta wakaf.

Pengerusi MAIWP, Datuk Dr Mohd Daud Bakar berkata, kebenaran menguruskan wakaf diserahkan di bawah kendalian dua syarikat itu bagi menggalakkan orang ramai berwakaf, sekali gus dapat diuruskan dengan lebih sistematik.

Menurutnya, ia bukan sahaja menguntungkan pembangunan ummah tetapi turut memberi manfaat kepada pem-

beri wakaf.

“Dua permohonan mutawalli daripada syarikat yang mendapat kelulusan MAIWP iaitu AWSB bagi mengendalikan perkhidmatan Wakaf ASNB dan Waqaf Felda untuk perkhidmatan Wakaf Korporat Felda dijangka meneruskan kelangsungan wakaf MAIWP.

“Kedua-dua kaedah wakaf daripada syarikat berkenaan telah dipersetujui Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan,” katanya ketika merasmikan Majlis Penyerahan Watakah Pelantikan Mutawalli ASWB dan Waqaf Felda di Dewan Seminar Aras 1 MAIWP di sini pada Khamis.

